

PELAN PEMBELAJARAN

No Modul	Topik	Jumlah Masa (Jam)
Modul 1	CABARAN DAN REALITI INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)	1.0 Jam
Modul 2	ASAS PERUNDANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	1.0 Jam
Modul 3	ASAS PENGURUSAN KKP DI TEMPAT KERJA	2.0 Jam
Modul 4	PENGURUSAN BAHAN KIMIA (CHEMICAL MANAGEMENT)	2.0 Jam
Modul 5	Pengenalan Kepada Penyakit Pekerjaan	1.0 Jam
Modul 6	Pengenalan Kepada Keselamatan Pekerjaan Berkaitan Jalan Raya (WRRS)	1.0 Jam
Modul 7	PENGenalPASTIAN HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO (HIRARC)	3.0 Jam
Modul 7.1	LATIHAN PRAKTIKAL BAGI PENGenalPASTIAN HAZAD, PENAKSIRAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO	3.0 Jam
Modul 8	PENYIMPANAN & PENGENDALIAN BAHAN	1.5 Jam
Modul 9	REKABENTUK STESEN KERJA DAN PENCAHAYAAN	1.5 Jam
Modul 10	PRODUCTIVE MACHINE SAFETY	2.0 Jam
Modul 11	PREMIS DAN KEBAJIKAN BERKAITAN DENGAN KERJA	2.0 Jam
JUMLAH JAM		21.0 Jam

PELAN PEMBELAJARAN

MODUL 1: CABARAN DAN REALITI INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

NO TOPIK	01
TAJUK	Cabaran Dan Realiti Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)
JUMLAH MASA	0.5 Jam (30 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1). Memberi pendedahan kepada sektor IKS mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2). Meningkatkan tahap kesedaran KKP di kalangan majikan dan pekerja di sektor IKS 3). Memperkenalkan OSH-Coordinator dan peranannya dalam membantu pengurusan KKP
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
2	2	Pengajar beritahu objektif dan hasil pembelajaran modul	5-6	Objektif, Harapan Daripada Kursus OSH-C
5	7	Menerangkan definisi IKS termasuk kategori-kategori IKS	7-10	Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia
7	14	Pengajar menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh sektor IKS dalam melaksanakan KKP	11	Cabaran di Sektor IKS
3	17	Perkongsian Punca-punca kemalangan serta statistik kemalangan	12-13	Kemalangan di Tempat Kerja
5	22	Perkongsian gambar-gambar kemalangan dengan menjelaskan bagaimana kemalangan boleh berlaku dengan mengaitkan faktor-faktor persekitaran.	14-18	Contoh Kemalangan di Tempat Kerja
3	25	Pengajar boleh menerangkan kelebihan sektor IKS dalam mengamalkan KKP di tempat kerja	19-20	Bagaimana KKKP boleh membantu IKS
3	28	Pengajar menerangkan ciri-ciri OSH-C dan peranan dan fungsi OSH Coordinator termasuk syarat-syarat untuk menjadi OSH-C.	21-22	Penyelaras KKP
2	30	Pengajar merumuskan bagaimana KKP boleh membantu organisasi IKS dalam pelbagai aspek OSH-C memainkan peranan penting dalam membantu majikan melaksanakan KKP di tempat kerja	23	Kesimpulan

PELAN PEMBELAJARAN

MODUL 2: PENGENALAN KEPADA JABATAN DAN ASAS PERUNDANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

NO TOPIK	02
TAJUK	Pengenalan Kepada Jabatan Dan Asas Perundangan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
JUMLAH MASA	1.0 Jam (60 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1). Memberi Pengenalan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 2). memberi pengenalan kepada asas kepada pembangunan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia 3). Menjelaskan peranan yang dimainkan oleh JKKP terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta 514 dan Akta 139
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
2	2	Pengajar perlu menjelaskan Peranan JKKP sebelum dan selepas pindaan Akta 514 (bermula pada 16 Mar 2022). Peserta akan diterangkan mengenai JKKP yang merupakan agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di negara ini	3-9	Punca Kuasa JKKP Profil JKKP Malaysia Aktiviti Utama JKKP Peranan JKKP
2	4	Pengajar perlu mengupas perkembangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia dari pelbagai era yang berbeza untuk memberi gambaran perkembangan yang positif dari aspek KKP 1). Era Keselamatan Dandang - sebelum 1914 2). Era Keselamatan Jentera - 1914 hingga 1952 3). Era Keselamatan Industri - 1953 hingga 1967 4). Era Keselamatan dan Kesihatan Industri - 1970 hingga 1994 5). Era Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - selepas 1994 6). Era OSHMP15 7). OSHMP 2020	10-11	Perkembangan Undang-Undang KKP

PELAN PEMBELAJARAN

15	19	Pengajar perlu menjelaskan perubahan ketara dalam peruntukan Utama Akta Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dengan lulusnya Akta A1648 di parlimen. Ia termasuk Skop Pemakaian dan pengecualian untuk kegiatan-kegiatan tertentu Kehendak Perundangan Berkaitan KKP melibatkan seksyen-seksyen untuk perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang KKP. Pemakluman kepada penguatkuasaan Undang-Undang baru OSHA bermula 1-Jun 2024 Pengajar hendaklah menerangkan keadaan yang mewajibkan untuk organisasi menubuhkan Jawatankuasa KKP. Jika tertakluk kepada kewajipan penubuhan Jawatankuasa KKP, Peraturan kepada undang-undang Jawatanluasa KKP perlu di jelaskan. Selain itu, kadar penalti selepas pindaan akta yang perlu diketahui oleh majikan sekiranya melanggar peruntukan seksyen 15, 16, 17, 1 18, 18a atau 18b dibawah seksyen 19, OSHA 1994 (Pindaan 2022)	12-16	Skop Pemakaian
			17-26	Kehendak Perundangan KKP Kewajipan Am Majikan
			27	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
			28	Penalti
20	39	Pengajar harus menerangkan peruntukan Seksyen 24 dan Seksyen 25 dalam Akta 514 melibatkan tanggungjawab pekerja dan implikasi terhadap pelanggaran kepada kedua-dua seksyen tersebut.	29 - 31	Kewajipan Am Pekerja
5	44	Seksyen 32 pula adalah kefahaman yang perlu bagi peserta berkaitan dengan pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian merbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan	32	Pelaporan Kemalangan
5	49	Peserta perlu dijelaskan perihal peruran-peraturan lain yang dikuatkuasakan di bawah Akta 514 serta kadar penalti-penalti lain sekiranya berlaku pelanggaran terhadap Akta 514	33-34	peraturan-peraturan di bawah AKKP 1994
3	52	Peruntukan Utama Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)		Objektif Akta AKJ 1967 Skop Akta AKJ 1967 Definisi
2	54	Pengajar memberi penjelasan terhadap mesin-mesin yang wajib mempunyai perakuan seperti Dandang Stim (Steam Boiler), Bejana Tekanan Tak Berapi (Unfired Pressured vessel) dan Mesin Angkat (Hoisting Machine)	41-42	Perakuan Kelayakan
2	56	Pengajar memberitahu tatacara penggunaan kaedah online myKKP untuk permohonan online JKJ 101 bagi apa-apa butir sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam akta	43	Notis Menduduki Kilang

PELAN PEMBELAJARAN

2	58	Pengajar menjelaskan peraturan-peraturan di bawah AKJ 1967 dan kesan setelah penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022	44-46	peraturan-peraturan di bawah AKJ 1967
2	60	Pengajar memberi rumusan daripada undang-undang berkaitan tentang berkewajipan memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang awam yang lain pekerja Risiko bahaya perlu diurus dengan baik dan berkesan Selain itu, mengaitkan dengan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang baik dapat menjamin keselamatan dan kesihatan	47-48	Faedah Meningkatkan Keselamatan & Kesihatan Pekerja Kepada Organisasi Kesimpulan

MODUL 3: ASAS PENGURUSAN KKP DI IKS

NO TOPIK	03
TAJUK	Asas Pengurusan KKP di IKS
JUMLAH MASA	2.0 Jam (120 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1). Memberi kefahaman terhadap kewajipan organisasi dalam membentuk Dasar Keselamatan dan Kesihatan 2). Kesedaran kepentingan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan 3). Mengetahui tindakan yang perlu diambil jika berlaku kejadian kemalangan 4). Bagaimana untuk membangunkan Pelan Tindakan Kecemasan
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
2	2	Pengajar menerangkan input penting untuk difahami dalam Modul 3 seperti - Kewajipan membentuk Dasar KKP - Penubuhan Jawatankuasa KKP - Pemberitahuan Kemalangan & Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan	5	Topik Perbincangan
8	10	Pengajar memberitahu perkara asas bagaimana untuk menerbitkan Dasar KKP seperti komponen dan kandungan Dasar KKP (dengan contoh sesuai)	6-9	Dasar Keselamatan dan Kesihatan

PELAN PEMBELAJARAN

2	12	Pengajar menerangkan keperluan untuk syarikat menyediakan struktur organisasi dengan fungsi asas operasi	10	Organisasi KKP
10	22	Pengajar menjelaskan pentingnya pengukuran dalam merancang program KKP seperti latihan KKP, pembangunan SOP, komunikasi dan kebajikan pekerja.	11	Pengukuran KKP
10	32	Pengajar memberikan contoh SOP yang sesuai untuk digunapakai dalam organisasi IKS bagi memberikan dokumentasi terhadap sistem kerja selamat.	12	Contoh Prosedur Kerja Selamat
10	42	Pengajar memberikan contoh melalui rajah, jadual dan gambar-gambar program berkaitan latihan dan kebajikan	13,14	Contoh program Latihan
5	47	Pengajar menerangkan langkah-langkah dalam menerbitkan dasar KKP organisasi.	15	4 Langkah Asas Untuk Laksana Dasar Kkp
10	57	Pengajar menerangkan asas kepada penubuhan JKK yang perlu ditubuhkan di tempat kerja yang di pengaruhi oleh pengurus dan anggotanya adalah wakil majikan dan wakil pekerja	16,17	Apa itu JKK ?
7	64	Pengajar menjelaskan kriteria penubuhan JKK di dalam organisasi dengan memberikan contoh struktur carta organisasi JKK.	18-21	Organisasi JKK
10	74	Pengajar perlu menghuraikan peranan yang dimainkan oleh JKK termasuk menjalankan mesyuarat dan memberikan contoh agenda dalam mesyuarat, surat lantikan, surat jemputan dan fungsi ahli JKK. Perkongsian gambar-gambar aktiviti JKKP untuk rujukan peserta.	22 - 31	Peranan JKK Menjalankan Mesyuarat Fungsi JKK Aktiviti JKK
10	84	Pengajar menerangkan impak kemalangan akan mengakibatkan maut dan kesan-kesan lain seperti bebanan kepada waris, reputasi terjejas dan kehilangan harta	32-37	Pelaporan Kemalangan Kemalangan jenis-Kenis Kemalangan
10	94	Pengajar menghuraikan jenis-jenis kemalangan termasuk kecuaiian yang mengakibatkan kemalangan dan mendatangkan kecederaan serius kepada pekerja.	38	Kemalangan Akibat Kecuaian dan Jentera Tiada Peralatan Keselamatan Yang Secukupnya
			39	Kemalangan Disebabkan Litar Pintas
			40	Kecederaan Anggota Badan Yang Serius
8	102	Pengajar menerangkan perkara-perkara yang patut dilakukan jika berlaku kemalangan di tempat kerja termasuk keperluan untuk mematuhi undang-undang KKP berkaitan dengan pelaporan kepada JKKP.	41	Tindakan Oleh Majikan Jika Berlaku Kemalangan / Kejadian Berbahaya / Penyakit / Keracunan

PELAN PEMBELAJARAN

			42,43	JKKP 6, JKKP 7
2	104	Menjelaskan kewajipan organisasi untuk menghantar laporan tahunan kejadian kemalangan dan insiden berdasarkan peruntukan undang-undang KKP.	44-48	Merekod Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Dan Penyakit Pekerjaan – JKKP 8
3	107	Pengajar menjelaskan perbezaan di antara kemalangan, bencana dan kecemasan	49-51	Pelan Tindakan Kecemasan Apa itu Kecemasan
5	112	Keadaan Kecemasan terhasil daripada signal daripada kejadian semula jadi dan juga tindakbalas daripada kegiatan manusia melalui teknologi	52	Keadaan Kecemasan - Gabungan Semula Jadi Dan Teknologi
			53	Kesan Bencana
			54-55	Bencana Alam
2	114	Pengajar menghuraikan keperluan untuk bersedia menghadapi situasi yang tak terjangka dan menyebabkan krisis, impak serta perlunya patuh kepada peruntukan undang-undang	56	Mengapa Bersedia Untuk Kecemasan
4	118	Pengajar mengaitkan objektif pelan tindakan kecemasan dengan Keperluan baharu dalam OSHA, Seksyen 15 (f) pembangunan dan pelaksanaan prosedur untuk menangani kecemasan yang mungkin timbul semasa pekerjaanya sedang bekerja.	57	Objektif Pelan Tindakan Kecemasan
2	120	Pengajar memberikan contoh Pelan Kecemasan dan	58	Pelan Laluan Kecemasan
2	122	Perkongsian sampel Senarai Pihak untuk Dihubungi semasa kecemasan	59	Nombor Kecemasan
2	120	Rangkuman kepada topik yang menekankan setiap industri perlu memastikan pematuhan kepada perundangan KKP serta keutamaan yang perlu diberikan bagi pelaksanaan sistem KKP yang berkesan.	60	Kesimpulan

PELAN PEMBELAJARAN

MODUL 4: PENGURUSAN BAHAN KIMIA (CHEMICAL MANAGEMENT)

NO TOPIK	04
TAJUK	Pengurusan Bahan Kimia
JUMLAH MASA	2.0 Jam (120 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1). Memahami bagaimana mengenalpasti Bahaya Bahan Kimia 2). Memahirkan cara-cara mengendalikan bahan kimia secara selamat 3). Memberi kesedaran bahaya Bahan Kimia Kepada Kesihatan
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
5	5	Pengajar menjelaskan objektif modul dengan memfokuskan kepada pengenalpastian, pengendalian serta kesan penggunaan Bahaya Bahan Kimia Pengenal konsep "Cradel To Grave" Penekanan kepada skop kerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya iaitu melalui Hazad Bahan Kimia dan Laluan Kemasukan Bahan Kimia dan Elemen Pengurusan Bahan Kimia	3-4	Objektif Skop
5	10	Pengajar menerangkan bentuk-bentuk fizikal bagi bahan kimia dengan mengemukakan amaran yang perlu sebagai kawalan. Dibantu dengan gambar untuk memberi lebih kefahaman kepada peserta.	5-6	Bentuk Bahan Kimia Kesan Kebakaran Dan Letupan Akibat Bahan Kimia
15	25	Kesan penggunaan bahan kimia yang mengakibatkan kebakaran dan letupan, Kesan Kimia Kepada Kesihatan akibat daripada Laluan Kemasukan Bahan Kimia Ke Dalam Badan Manusia, Bagi memberikan kefahaman terhadap aplikasi di tempat kerja, Pengajar perlu memberikan beberapa contoh kegiatan yang melibatkan pendedahan bahan kimia berbahaya di tempat kerja.	7-10	Kesan Kebakaran Dan Letupan Akibat Bahan Kimia Kesan Kimia Kepada Kesihatan Laluan Kemasukan Bahan Kimia Ke Dalam Badan Manusia Contoh Aktiviti di Tempat Kerja

PELAN PEMBELAJARAN

20	45	Pengajar menjelaskan langkah demi langkah pengurusan bermula dengan Daftar Bahan Kimia, Risalah Data Keselamatan Kimia (SDS), Pelabelan dan pelabelan semula, Spesifikasi dan prosedur pembelian dan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Kepada kesihatan Contoh Borang Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan	12, 13	Pengurusan Bahan Kimia Di Tempat Kerja Contoh Borang Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan
15	60	Pengajar akan menjelaskan kadungan SDS dengan maklumat terperinci terhadap 16 element dalam SDS.	14-17	Kandungan & Format Risalah Data Keselamatan
10	70	Pengajar perlu menerangkan kepentingan untuk menetapkan polisi mengenai pembelian kimia berbahaya seperti maklumat hazad (contoh. Safety Data Sheet), pembabitan bahagian Keselamatan, Kesihatan Alam Sekitar dalam menilai kimia untuk dibeli Letakkan terma & syarat bagi pembekalan kimia	18	Spesifikasi & Prosedur Pembelian
20	90	Pengajar menerangkan konsep yang digunakan dalam pengurusan kimia, dimana bahan kimia diurus bermula daripada kemasukannya ke tempat kerja pelupusannya.	19-26	Konsep 'Cradle to Grave' Penerimaan Bahan Kimia Elemen-Elemen Pengtoran Selamat Menyediakan Daftar Bahan Kimia Untuk Pengstoran Penggunaan dan Pengendalian pelupusan
15	105	Pengajar menerangkan kepada peserta dari aspek KKP dalam melakukan kerja-kerja penyelenggaraan serta baikpulih dengan menetapkan langkah-langkah yang perlu, seperti, 1. Menaksir Tugas - 4M (Manusia, Peralatan, Bahan, Persekitaran) 2. Kenalpasti Hazad 3. Bangunkan Sebuah Sistem 4. Laksanakan Sistem	27	Kerja Senggaraan & Baikpulih
15	120	Pengajar kan menghuraikan tambahan Elemen Lain Dalam Pengurusan Bahan Kimia seperti Pemonitoran pendedahan, pemantauan kesihatan, Arahan & Penyeliaan, Latihan & Pendidikan, Kerjasama pekerja & penyertaan aktif dan Dokumentasi Merangkumkan pengurusan bahan kimia menjadi aspek penting agar impak kepada kesihatan pekerja dapat diminimumkan.	28	Elemen-Elemen Lain Dalam Pengurusan Bahan Kimia

PELAN PEMBELAJARAN

MODUL 5: PENGENALAN KEPADA PENYAKIT PEKERJAAN

NO TOPIK	05
TAJUK	Pengenalan Kepada Penyakit Pekerjaan
JUMLAH MASA	1.5 Jam (90 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1). Memberi pengenalan kepada Bahagian Kesihatan Pekerjaan JKKP Malaysia dan peranannya 2). Kesedaran kepada pentingnya Kesihatan Pekerjaan 3). Impak Penyakit Pekerjaan di Malaysia
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
2	2	Pengajar menjelaskan tentang isu berkaitan tentang penyakit pekerjaan	4	Agenda
5	7	Pengajar melontarkan persoalan kepada peserta tentang tadbir urus dan pengendalian sebarang isu KKP.	5	Penyiasatan Di Bawah Bidang Tugas Niosh?
8	15	Pengajar perlu menghubungkan peranan majikan sepertimana tertakluk di dalam Akta 514. Pengajar juga menjelaskan impak yang mungkin boleh berlaku sekiranya majikan tidak memberi perhatian khusus terhadap isu penyakit pekerjaan.	6,7	Kewajipan Am Majikan Impak
15	30	Pengajar menjelaskan Skop Akta KKP mengikut Jadual Satu (Subsection 1(2)) telah dimansuhkan Pengajar juga perlu menegaskan skop baru hasil daripada pindaan akta - "Akta KKP hendaklah terpakai bagi semua tempat kerja di seluruh Malaysia"	8,9,10	10 Sektor Yang Dibawah AKKP 1994
5	35	Peserta akan diberi maklumat berkaitan tentang fungsi Bahagian Kesihatan Pekerjaan, JKKP	11	Functions of Occupational Health Division
10	45	Pengajar menjelaskan bahawa sebarang penyakit yang disebabkan oleh pendedahan terhadap faktor risiko yang timbul daripada aktiviti kerja. Data sokongan terhadap statistik kematian akibat kemalangan berbanding dengan penyakit pekerjaan.	12,13	Pengenalan Kepada Penyakit Pekerjaan

PELAN PEMBELAJARAN

15	60	Pengajar menerangkan tentang beberapa keadaan penyakit pekerjaan yang dibahagikan kepada beberapa klasifikasi seperti - akut dan kronik Peserta juga perlu difahamkan tentang hubungkait jenis kerja dengan kategori penyakit pekerjaan yang berpotensi boleh berlaku seperti - Penyakit pekerjaan - Penyakit berkaitan Pekerjaan - Penyakit am	14-16	Klasifikasi Hazad Kesihatan Pekerjaan
2	62	Menjelaskan perbezaan di antara penyakit pekerjaan dan penyakit berkaitan Pekerjaan. Elemen berdasarkan kepada kejadian, punca, pendedahan, status notifiable serta status kebolehpampasan.	17	Difference Between Occupational & Work-Related Diseases
2	64	Peserta perlu dijelaskan tentang penyakit pekerjaan mempunyai tempoh masa pendam yang lama. Kebanyakan kes berkaitan penyakit pekerjaan tidak boleh dirawat untuk kembali ke keadaan asal Semua penyakit pekerjaan boleh DICEGAH diperingkat awal	18	Apa Yang ANDA Perlu Tahu Berkaitan Penyakit Pekerjaan!
2	66	Pengajar perlu menyatakan kesan kepada penyakit pekerjaan terhadap individu, majikan dan negara melibatkan kos, produktiviti dan ekonomi negara.	19	Model Kesan Penyakit Pekerjaan Terhadap Majikan Dan Negara
5	71	Pengajar menerangkan Jenis hazad Kesihatan Pekerjaan seperti Hazard Fizikal, Hazard Biologikal, Hazard Bahan Kimia, Hazard Ergonomik, Hazard Psikologikal Pengajar juga boleh berkongsi contoh Hazad Kesihatan Pekerjaan (Hazard Kimia) seperti penyakit kulit, Pening Kepala, Masalah Ingatan, Kanser. Cara kemasukan ke dalam badan - Pernafasan, Saluran pemakanan, Penyerapan kulit, Suntikan Contoh Hazad Kesihatan Pekerjaan	20-27	Jenis Hazad Kesihatan Pekerjaan Contoh Hazad Kesihatan Pekerjaan Cara kemasukan ke dalam badan
2	73	Undang-undang yang meliputi semua tempat kerja untuk mematuhi peraturan NADOPOD	28	Peruntukan Perundangan Di Bawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 1994
2	75	Peserta diterangkan tentang peranan yang dimainkan oleh majikan dan pengamal perubatan untuk mematuhi peraturan 7 di bawah NADOPOD	29	Pelaporan Mengenai Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan

PELAN PEMBELAJARAN

4	79	Rasional terhadap keperluan pelaporan untuk tujuan memenuhi tuntutan perundangan; mengenalpasti punca sesuatu penyakit pekerjaan; dan Mencadangkan langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan tempat kerja supaya penyakit pekerjaan berkenaan tidak berulang kepada pekerja yang lain	30-33	Kenapa Perlu Melaporkan Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan Kepada JKKP ?
3	82	Peserta diberitahu tentang implikasi ketidakpatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004	34	Penalti
2	84	Perkongsian dari media, statistik dan graf berkaitan tentang Penyakit dan Keracunan Pekerjaan di Malaysia	41	"Statistik Penyakit dan Keracunan Pekerjaan di Malaysia"
3	87	Berkongsi untuk Online Notification of Occupational Poisoning and Diseases (e-JKKP7)	42,43	eJKKP7
3	90	Memberi penerangan terhadap Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021 - 2025, khusus kepada isu penyakit pekerjaan. Kesimpulan	44	OSHMP-25

PELAN PEMBELAJARAN

MODUL 6: PENGENALAN KEPADA KESELAMATAN PEKERJAAN BERKAITAN JALAN RAYA (WRRS)

NO TOPIK	06
TAJUK	Pengenalan Kepada Keselamatan Pekerjaan Berkaitan Jalan Raya (WRRS)
JUMLAH MASA	1 jam (60 Minit)
OBJEKTIF TOPIK	1. Menerangkan status dan kesan nahas jalan raya termasuk yang melibatkan pekerjaan berkaitan jalan raya; 2. Kepentingan pengurusan WRRS serta keperluan Kod Amalan Industri Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010; 3. Konsep pengurusan pemandu, kenderaan dan perjalanan; dan 4. Pengenalan kepada ISO 39001 dan ISO 39002.
KEPERLUAN	1. Laptop dan projektor
PEMBELAJARAN	2. Akses kepada internet

MASA (min)	KUM. MASA (min)	PROSEDUR/ARAHAN	SLAID	TAJUK
2	2	Pengajar beritahu objektif dan hasil pembelajaran modul	4	Hasil Pembelajaran
3	5	Pengajar terangkan status nahas jalan raya di Malaysia di mana bilangan kematian akibat nahas jalan raya berada pada tahap yang membimbangkan (17-19 kematian sehari). Meskipun indeks keselamatan jalan raya dari segi per 10,000 kenderaan, per 100,000 populasi dan per Billion Vehicle Kilometre Travel (VKT) menurun, tiada penurunan yang mendadak dapat dilihat dari segi bilangan kematian berdasarkan statistik yang direkodkan sejak dua dekad yang lalu.	5	Indeks Keselamatan Jalan Raya Malaysia
2	7	Pengajar terangkan definisi kemalangan semasa perjalanan berdasarkan Seksyen 24, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Salah satu definisi yang dinyatakan adalah berkenaan pekerjaan berkaitan jalan raya iaitu “dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab secara langsung berkaitan dengan pengajiannya”.	6	Kemalangan Semasa Dalam Perjalanan
5	12	Pengajar menunjukkan statistik terkini dan membandingkan tahap keseriusan kemalangan industri dan perjalanan.	7,8	Kemalangan Industri & Perjalanan

PELAN PEMBELAJARAN

		Meskipun bilangan kemalangan industri adalah lebih tinggi berbanding dengan kemalangan perjalanan, kematian akibat kemalangan perjalanan adalah lebih tinggi (lebih daripada 70% kematian setiap tahun).	9,10	Kajian Profil Kemalangan Perjalanan 2018
5	17	Pengajar menunjukkan contoh-contoh nahas jalan raya melibatkan pekerjaan berkaitan jalan raya termasuk sektor ekonomi gig yang meningkat secara mendadak sejak pandemik COVID-19 melanda negara pada Mac 2020. Statistik terkini daripada pihak PDRM menunjukkan kes nahas melibatkan penunggang Food Panda dan Grab Food berada pada tahap yang membimbangkan.	11,12	- Nahas Jalan Raya Melibatkan Pekerja - Nahas Jalan Raya Melibatkan Pekerja Sektor Ekonomi Gig - Nahas Jalan Raya Melibatkan Penunggang Food Panda & Grab Food
5	22	Pengajar terangkan tentang kesan nahas jalan raya secara holistik menggunakan konsep Iceberg Theory. Penjelasan juga diberikan terhadap kesan kepada syarikat jika pekerja terlibat dalam nahas jalan raya, sebagai contoh penurunan produktiviti, reputasi syarikat terjejas jika kenderaan yang digunakan mempunyai maklumat/logo syarikat dan sebagainya.	13	Kesan Nahas Jalan Raya – Iceberg Theory
		Pengajar juga terangkan kerugian akibat nahas jalan raya pada tahun 2019 adalah RM19.1 Billion, mengambil kira 1 kematian bersamaan RM3.1 Juta berdasarkan kajian MIROS.	14	Kerugian Akibat Nahas Jalan Raya Kepada Negara
5	27	Pengajar memperkenalkan OSHMP 2021-2025, Teras Strategi 7 berkaitan WRRS serta program-program yang berkaitan. Salah satu aktiviti dalam Program 3 dalam Strategi 7 adalah “mewujudkan orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan WRRS di sektor pekerjaan berkaitan jalan raya”. Bagi aktiviti ini, kursus OSH-C khusus kepada sektor pekerjaan berkaitan jalan raya (WRRS) telah diwujudkan oleh pihak JKKP dan telah mula dilaksanakan pada tahun 2021. Di samping itu, satu modul khusus berkaitan WRRS juga telah dibangunkan dan disisipkan ke dalam modul OSH-C yang terkini sebagai Topik 6.	15,16,17	- OSHMP 2021 – 2025 - OSHMP 2021 – 2025: Teras Strategi 7 - OSHMP 2021 – 2025: Teras Strategi 7 – Program 3 (Memperkukuhkan Pengurusan WRRS)
8	35	Pengajar terangkan tentang kerangka (framework) pengurusan WRRS berkenaan kepentingan keperluan undang-undang atau persijilan serta tanggungjawab majikan, pekerja dan SHO/OSH-C bagi memastikan matlamat untuk mencapai pemandu selamat, kenderaan selamat dan perjalanan selamat di sesebuah organisasi dapat dicapai.	18	Pengurusan WRRS

PELAN PEMBELAJARAN

		Pengajar juga terangkan bahawa kod amalan/garis panduan KKP untuk sektor pengangkutan telah bermula sejak tahun 2007 lagi. Kemudiannya kod amalan tersebut telah diangkat oleh JKPP sebagai Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010. SPAD juga mengeluarkan Buku Panduan Kod Amalan Industri pada tahun 2013 berdasarkan Kod Amalan yang dikeluarkan oleh JKPP bagi tujuan pelesenan perkhidmatan kenderaan barangan dan pengendali bas.	19	Kod Amalan/Garis Panduan KKP Untuk Sektor Pengangkutan
		Pengajar terangkan berkenaan skop pemakaian Kod Amalan yang dikeluarkan oleh JKPP berkenaan WRRS dan kaitan dengan perundangan di bawah AKKP 1994. Pengajar juga terangkan skop Kod Amalan selari dengan kerangka pengurusan WRRS yang merangkumi kepada empat (4) elemen utama iaitu program keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan dan pengurusan perjalanan.	20,21, 22	Tataamalan Industri KKP Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010
5	40	Pengajar terangkan tentang keperluan dalam Pengurusan Pemandu seperti mana yang digariskan di dalam Kod Amalan. Pengurusan ini bermula apabila seorang pemandu itu diambil bekerja di dalam sesuatu organisasi dan hanya berakhir apabila pemandu tersebut tidak lagi bekerja di organisasi.	23	Pengurusan Pemandu
		Setelah pengambilan, pemandu boleh dikelaskan mengikut kompetensi dan prestasi kerja mereka bagi memudahkan pengurusan keperluan mereka.	23	
		Prosedur-prosedur pemanduan yang merangkumi sebelum, semasa dan selepas pemanduan perlu disediakan seperti keperluan penilaian risiko yang dijalankan.	23	
		Penjadualan kerja yang mengambil kira isu kelesuan dan kebajikan pemandu perlu disediakan. Had pemanduan 8 jam sehari dan keperluan rehat selepas 4 jam pemanduan berterusan perlu diberi perhatian.	23	

PELAN PEMBELAJARAN

		Peningkatan kompetensi yang berterusan perlu dijalankan bagi memastikan pemandu mempunyai skill, pengetahuan dan sikap yang terbaik untuk memandu. Latihan adalah kritikal sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam prosedur, laluan dan kenderaan yang digunakan.	23	
		Kesihatan dan kebajikan pemandu perlu diberi perhatian bagi memastikan pemandu sesuai untuk memandu (fit to drive). Rekod pemeriksaan kesihatan dan rekod kehadiran perlu disimpan sebagai rujukan dan penambahbaikan.	23	
		Pemantauan pemandu perlu dibuat bagi memastikan pematuhan kepada prosedur dan keselamatan pemanduan. Pemantauan ini perlu dijalankan sepanjang masa dan sebarang pelanggaran perlu dibincangkan bersama pemandu untuk penambahbaikan.	23	
		Prosedur pemanduan, penjadualan kerja, peningkatan kompetensi dan pemantauan adalah keperluan Kod Amalan Pengangkutan JKKP dan APAD.	23	
5	45	Pengajar terangkan keperluan dalam Pengurusan Kenderaan seperti mana yang digariskan di dalam Kod Amalan berkenaan komponen/elemen yang penting bagi menguruskan kenderaan sebagai usaha mencapai objektif kenderaan sentiasa dalam keadaan yang baik dan selamat semasa beroperasi.	24	Pengurusan kenderaan
		Pengurusan kenderaan adalah elemen penting kerana ia adalah sebuah tempat kerja dan juga peralatan kerja yang perlu diuruskan bagi memastikan kenderaan yang digunakan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.	24	

PELAN PEMBELAJARAN

		Pengurusan kenderaan yang telah digariskan adalah seperti spesifikasi kenderaan semasa proses perolehan, peralatan keselamatan yang perlu ada di kenderaan, pembawaan muatan secara selamat, pemeriksaan kenderaan sebelum dan selepas operasi, pelaporan dan rekod kerosakan kenderaan, penyelenggaraan kenderaan secara berkala, kemudahan di dalam kenderaan yang disediakan, rekod kenderaan (seperti lesen kenderaan & cukai jalan), dan akhir sekali tentang latihan berkenaan kenderaan seperti pemanduan, tindakan kecemasan, penyelenggaraan kenderaan dan kawalan muatan.	24	
		Pemantauan pengurusan kenderaan perlu dibuat bagi memastikan pematuhan kepada prosedur keselamatan yang telah ditetapkan. Pemantauan ini perlu dijalankan sepanjang masa dan sebarang isu perlu dibincangkan bersama pemandu untuk penambahbaikan.	24	
5	50	Pengajar terangkan keperluan dalam Pengurusan Perjalanan seperti mana yang digariskan di dalam Kod Amalan berkenaan komponen/elemen yang penting bagi menguruskan perjalanan sebagai usaha mewujudkan perjalanan yang selamat, selesa dan ekonomi semasa beroperasi.	25	Pengurusan Perjalanan
		Pengurusan ini bermula dari peringkat perancangan iaitu mengenalpasti bahaya dan risiko sepanjang laluan perjalanan serta menentukan tindakan kawalan yang bersesuaian bagi mengurangkan atau mengelakkan risiko berkenaan. Di dalam perancangan ini juga perlu mengambil kira jadual perjalanan serta kawasan rehat dan rawat supaya dapat mengekalkan tahap kecergasan untuk memandu. Manakala penyediaan perlindungan kemalangan atau insuran kepada pemandu dan penumpang bagi menjamin kebajikan mereka sekiranya terlibat dalam nahas jalan raya.	25	

PELAN PEMBELAJARAN

		Seterusnya bagi peringkat pemantauan pula, pengurusan perjalanan adalah melibatkan pemantauan perjalanan dari aspek keselamatan perjalanan dan pelanggaran peraturan trafik. Pemantauan ini boleh dilakukan menggunakan buku log kenderaan dan sistem pemantauan seperti GPS. Buku log hendaklah diisi dengan lengkap manakala GPS yang dipasang perlulah dipastikan berfungsi serta digunakan untuk pemantauan oleh pihak pengendali atau majikan.	25	
		Selain pemantauan perjalanan, pelaporan dan penyiasatan nahas jalan raya juga perlu dilaksanakan dalam kadar yang segera sekiranya berlaku nahas jalan raya. Penyiasatan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti punca nahas tersebut. Tambahan itu, audit juga perlu dilakukan secara berkala bagi memantau keberkesanan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dibangunkan. Semua hasil siasatan nahas dan audit yang telah dijalankan hendaklah direkodkan dan digunakan dalam cadangan penambahbaikan berterusan.	25	
		Pemantauan yang dijalankan adalah penting dan perlu dilaksanakan sepanjang masa bagi menambahbaik secara berterusan keberkesanan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dibangunkan.	25	
5	55	Pengajar beritahu keperluan dan kepentingan ISO 39001. ISO 39001 adalah satu piawaian antarabangsa yang dibangunkan bagi menguruskan isu keselamatan trafik jalan raya. Standard yang dikeluarkan pada 2012 ini telah diadaptasi oleh Malaysia pada tahun 2013 sebagai MS ISO 39001:2013.	26	ISO 39001 – Road Traffic Safety Management System
		Standard yang generik ini boleh membantu sesebuah organisasi untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan kejadian dan risiko kematian dan kecederaan serius akibat pelanggaran jalan raya secara sistematik.	27	
		Berasaskan kejayaan sistem pengurusan ini dalam menguruskan WRRS, pensijilan ISO 39001 telah dijadikan sebagai salah satu aktiviti (Aktiviti 4) di bawah Teras Strategi 7 OSHMP25.	27	

PELAN PEMBELAJARAN

		Pengajar beritahu salah satu program yang telah dijalankan berkaitan dengan ISO 39001 adalah program sokongan pensijilan ISO 39001. Program ini merupakan kerjasama di antara pihak PERKESO, Jabatan Standard Malaysia, MIROS dan JKKP sebagai ahli kepada National Mirror Committee TC 241. Program ini merangkumi beberapa fasa dari program kesedaran, dokumentasi, audit dalaman dan pensijilan.	28	Program Sokongan Pensijilan ISO 39001
